

Al-Qur'an al-Karim dan Pengaruhnya kepada Dunia

Qari Afrika Timur di Singapura

al-Hāfiẓ Shaykh Yahya Ḥussayn Jumū'ah

Dengan anjuran *Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah Singapura*, al-Hāfiẓ Shaykh Ḥussayn Jumū'ah, qari Qur'an yang terkenal dari Afrika Timur, telah bersyarah di beberapa buah masjid dan tempat-tempat perkumpulan Islam di Singapura.

Umat Islam Afrika Timur (Kenya, Uganda, Tanganyika dan Zanzibar) telah menghantarkan beliau ke Tanah Melayu

untuk meneguhkan lagi tali persaudaraan Islam dan menyatakan hasrat perjuangan umat Islam di sana dalam penyebaran dan perkembangan agama Islam.

Pada tiap-tiap majlis bacaan Qur'an, beliau mendengarkan bacaannya beberapa kali, berselang dengan bacaan qari-qari Singapura di setengah-setengah majlis beliau bersyarah dalam bahasa Arab dan



Sidang hadirin sedang asyik mendengar bacaan Qur'an dan qasidah yang merdu dari Shaykh Yahya Ḥussayn, qari Afrika Timur yang telah melawat Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu baharu-baharu ini. Majlis ini bertempat

di rumah *Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah Singapura*.

di setengah-setengahnya yang lain dalam bahasa Inggeris.

Menurut beliau, umat Islam di Afrika Timur berjumlah 12 juta dari seluruh penduduknya yang berjumlah 28 juta. Mereka juga – seperti Tanah Melayu – bermazhab Shafi’i.

Beliau juga mengatakan bahawa kaum Qadiani tidak mendapat tempat di negerinya. Daripada 12 juta umat Islam di sana, hanya kira-kiranya 100 orang yang telah terpedaya lalu masuk ke dalam perangkap Qadiani yang sesat itu.

Hendak membuat tafsir Qur’an

Umat Islam di Afrika Timur, kata Shaykh Yahya, banyak yang hafaz Qur’an, kanak-kanak di saman lazimnya diajar menghafaz Qur’an, tetapi sayang mereka tidak mengetahui maknanya, oleh itu, dalam zaman kebangkitan umat Islam ini, umat Islam Afrika telah bangun bukan sahaja menuntut kemerdekaan dari penjajah Inggeris yang sedang menguasai negeri mereka, tetapi juga hendak mentafsirkan kitab suci al-Qur’an ke dalam bahasa Afrika Timur – bahasa Swahili.

Untuk menjayakan cita-cita ini, kerajaan Pakistan telah menghidupkan sebuah *matba’ah* untuk mencetak tafsir Qur’an itu dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menghadihkan wang berjumlah \$3,000 ketika beliau pergi mengadap Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman di Kuala Lumpur. Wang itu telah pun dihantarkan ke Nairobi – Afrika Timur.

Beliau berharap kepada dermawan-dermawan di Singapura sudi menderma untuk menjayakan cita-cita yang mulia ini, iaitu usaha mengembangkan Islam dalam kalangan orang-orang Afrika.

Al-Hāfīz Shaykh Yahya Jumu’ah, tidak lupa menyebut akan jasa *al-marhūm* Maulana ‘Abdul ‘Aleem al-Ṣiddīqī, yang telah meniupkan roh dan semangat Islam kepada orang-orang



al-hāfīz Shaykh Yahya bin Ḥussayn, qari Qur’an yang terkenal sedang berucap dalam bahasa Inggeris di rumah *Jamiyah al-Da’wah al-Islamiyyah Singapura*. Di sebelahnya ialah Tuan Haji Wanjur bin Abu Bakar, Setiausaha *Jamiyah*, yang menterjemahkan ucapannya ke bahasa Melayu.

* * *

Islam di Afrika Timur. Melalui almarhum – katanya – kami mendengar berita saudara-saudara kami orang-orang Islam di Tanah Melayu.

Sebelum kembali ke negerinya, al-hāfīz Shaykh Yahya telah sempat membaca Qur’an di Masjid Sulṭān Abu Bakar Johor Baharu. Beliau dijangka akan kembali ke bandar Nairobi untuk menguruskan perayaan maulud *al-nabī* di tanah airnya. Beliau ialah Setiausaha Agung Persatuan Islam Afrika Timur.